

PM gesa semua agensi kerajaan beri bantuan

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam melahirkan kebimbangannya berikutan beberapa kawasan di pantai timur dilanda gelombang baru banjir yang menyebabkan jumlah mangsa semakin ramai.

Justeru, Najib berkata, beliau mahu semua agensi kerajaan bersiap sedia untuk memberi apa jua bentuk bantuan kepada mangsa di kawasan terjejas.

“Kita harus pastikan bantuan sama ada dari segi pemindahan dan

penempatan sementara atau berkaitan pemulihan pascabanjir sampai kepada (mereka) yang memerlukan,” katanya menerusi laman Twitter rasmi beliau, semalam.

Menurut portal Infobanjir Jabatan Kebajikan Masyarakat, 3,916 mangsa banjir di Kelantan sedang mendapatkan perlindungan di pusat pemindahan manakala jumlah mangsa di Terengganu 175 orang.

-BERNAMA